*BERITA HARIAN – ISNIN 12 JUN 2017*

[FOTO HIASAN]



**Pembabitan wanita dalam sektor korporat** *membantu melicinkan operasi organisasi itu.*



**Sektor pendidikan** *antara pilihan kerjaya wanita.*

# Peranan wanita terus diperkasa

Pelaksanaan Akta Kesaksamaan Gender tidak jadikan Malaysia 'negara feminisme'

**Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad**
amifaiz@bh.com.my

Kuching

Malaysia tidak akan sesekali berubah menjadi negara feminisme walaupun kerajaan sedang merangka Akta Kesaksamaan Gender bertujuan memperkasa, memberi perlindungan hak dan kepentingan sosioekonomi wanita.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata dasar memperhebatkan penyertaan wanita dalam sektor awam dan swasta sudah lama diamalkan di Malaysia, namun masih berpegang kepada fundamental merit, bukan bergantung sepenuhnya kepada gender.

Katanya, keadaan di negara ini berbeza dengan negara Nordic seperti Sweden, Norway, Finland, Iceland dan Denmark yang kerajaan mereka mewajibkan penyertaan sekurang-kurangnya 40 peratus wanita sebagai pembuat dasar dalam sektor swasta.

Kegagalan mematuhi dasar itu boleh menyebabkan sesebuah organisasi dan syarikat berdepan pelbagai kekangan memperoleh kemudahan dan insentif disediakan kerajaan.

Di negara terbabit agenda feminisme mereka cukup tinggi. Namun, keadaan di negara kita lebih 'saksama' bersandarkan kepada prinsip toleransi.

**Jumlah wanita JUSA C meningkat**

"Penyertaan wanita sebagai pembuat dasar dalam sektor awam atau membabitkan kumpulan Jawatan Utama Sektor Kerajaan (JUSA) C dan ke atas, di negara ini sudah mencapai 34.5 peratus.

"Ia meningkat agak ketara berbanding sasaran awal hanya 30 peratus, yang kini dianggap satu perkembangan positif kerana jelas membuktikan keyakinan terhadap keupayaan wanita sebagai pembuat dasar.

"Namun, dalam sektor swasta tahap itu masih rendah, cuma 19 peratus sehingga tahun lalu," katanya dalam temu bual bersama *BH*.



> Secara keseluruhan, kerajaan menyasarkan 59 peratus wanita bekerja menjelang 2020 dan peratusan semasa adalah 54.1 peratus, seiring dengan kemajuan semasa"
>
> ***Rohani Abdul Karim,***
> *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

Rohani berkata, selain Akta Kesaksamaan Gender yang kini sedang dibangunkan kandungannya bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kementerian berkenaan juga dalam proses menyediakan draf Akta Pekerja Sosial dan Akta Gangguan Seksual.

**Kerajaan sasar 59 peratus wanita bekerja pada 2020**

Katanya, secara keseluruhan, kerajaan menyasarkan 59 peratus wanita bekerja menjelang 2020 dan peratusan semasa adalah 54.1 peratus, seiring dengan kemajuan semasa yang jelas golongan Hawa bukan hanya sekadar 'suri dapur' atau 'menghayun buaian.'

"Jika kita lihat suri rumah yang menjana pendapatan di rumah, ia sudah melebihi sasaran kerana ada yang tidak direkodkan. Ramai suri rumah menceburi perniagaan dalam talian sebagai sumber rezeki, selain menjahit dan mengasuh.

"Ada wanita yang berhenti kerja tetapi mengadakan sesi tuisyen untuk pelajar di kawasan perumahan mereka. Ini sekali gus membantu lelaki, khususnya suami menambah pendapatan keluarga. Kita pernah mencadangkan kelompok ini dimasukkan sebagai golongan bekerja, namun ditolak Jabatan Perangkaan atas faktor teknikal," katanya.

Beliau berkata, kerajaan cuba menarik wanita berkepakaran kembali berkhidmat dalam sektor pekerjaan menerusi Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), namun kebanyakan mereka menolak.

"Mereka sudah selesa di rumah dan mahu melihat anak membesar di depan mata dan tidak mahu terikat bekerja 9 pagi hingga 5 petang," katanya.

Bagaimanapun, sektor swasta masih gagal mencapai sasaran 30 peratus pembabitan wanita sebagai pembuat dasar.

"Oleh itu, kementerian melaksanakan Program Pengarah Wanita dengan melatih 1,051 calon berpotensi bermula 2012 hingga tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, penyertaan wanita dalam arena politik pula semakin meningkat, iaitu seramai 168 calon wanita bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) berbanding hanya 120 calon dalam PRU-12.

Jumlah wanita di Parlimen ialah seramai 23 wakil rakyat daripada keseluruhan 222 ahli Dewan Rakyat, manakala pada peringkat negeri, 68 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di seluruh negara daripada keseluruhan 687 kerusi DUN.

"Ini turut memperlihatkan keyakinan rakyat terhadap golongan wanita untuk mewakili mereka dalam Dewan Rakyat dan DUN, selain memegang jawatan sebagai menteri dan timbalan menteri dan EXCO negeri," katanya.